



ANALISIS KOMPREHENSIF TERHADAP ISU-ISU DAKWAAN SEBAGAI SAHABAT NABI SAW BERMULA DARI KURUN KE 5 HINGGA KE 7 HIJRAH

(A Comprehensive Analysis of The Issues Regarding the Claims to Be the Prophet's Companions Beginning from the 5th To The 7th Hijrah)

Mohammad Taha bin Hassan¹, Fadlan bin Mohd Othman², Mohd Arif Nazri³

¹Calon Sarjana Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia, ^{2,3}Pensyarah Kanan Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstract

During the early 5th until the 7th Hijrah, the Crusades on Muslim land began in 492 H until the eruption of the Siege of Acre in 690 H resulted in a decline of intellectual achievements and stagnation in knowledge among the Muslims. Besides that, there were also conflicts and ongoing political turmoils, which led to the Muslim's further deterioration with the sack of Baghdad in the hands of Tatar in 656 H till 702 H. Amid chaos around that century, there emerged several individuals who regarded themselves as the companions of the Prophet. These individuals purportedly claimed that they lived a long life and narrated hadiths from Rasulullah SAW that were categorized as Mujāzafah or excessive in nature. Hence, this research analyzes the claim of these individuals, their identity, and the hadiths they reported to establish their existence throughout these 3 centuries. The methodology adopted for this study is based on the collection of data using library research and documentation methods whilst the data collected is analyzed using both, an inductive and deductive approach. From the study, it was discovered that these individuals had self-proclaimed themselves to be the Companions of the Prophet thus making their assertion to be completely baseless. In addition, it was also found that there were also efforts by a group of irresponsible fanatics who fabricated the existence of these narrators solely to achieve fame and a higher-ranking Sanad.

Kata Kunci: Narrator of Hadith, Generations of the Companions, False Claims About the Companions

Article Progress

Received: 30 November 2022

Revised: 29 December 2022

Accepted: 10 Januari 2023

*Corresponding Author:

Mohd Taha bin Hassan.

Pusat Kajian Al-Quran dan Al-Sunnah, Universiti Kebangsaan Malaysia

Email:

tahassan81@yahoo.co.uk

PENDAHULUAN

Dakwaan sebagai sahabat Nabi oleh golongan tertentu dengan memiliki usia yang panjang sehingga mencecah ratusan tahun setelah berakhirnya generasi sahabat dapat dirumuskan bahawa ia berlaku bukanlah disebabkan oleh mutasi atau genetik usia seperti umat terdahulu. Malah, dakwaan ini sebenarnya tidak didokong dengan fakta dan sesuatu yang tiada asas. Untuk itu, perkara ini tidak perlu dirujuk atau disokong dengan mana-mana kajian sains dan biologi apatah lagi melalui tempoh evolusi yang panjang dan kompleks untuk membuktikan serta mengesahkan dakwaan palsu tersebut. Walau bagaimanapun, penentuan dan pengesahan kewujudan dakwaan mereka ini dapat dibuktikan dengan pentarikhan secara mutlak serta rujukan beberapa kajian para ulama.

Berdasarkanuraian yang terkandung di dalam karya-karya *tarājim wa tabaqāt* berkenaan latar belakang perawi hadis, terdapat istilah relatif lain dalam pelabelan isu ini yang dikenali sebagai *al-Suhbah wa al-Ta'mir* seperti yang digunakan oleh beberapa orang ulama, antaranya imam al-Dhahabī (1382H/1963M: Jil. 2, 42), Ibn Ḥajar (2002: 451) dan al- Qandūsī (2017: 10-11) bagi merujuk kepada dakwaan golongan ini dalam menyampaikan hadis-hadis yang diriwayatkan daripada Rasulullah SAW. Meskipun istilah ini dicatatkan, tapi ia bukan bermaksud sebagai satu pengiktirafan dan pengakuan terhadap dakwaan dan tuntutan oleh golongan tersebut.

Dalam membincarakan tentang umur dan ajal generasi sahabat, terdapat tiga asas penting yang melibatkan kewujudan dan eksistensi mereka iaitu berdasarkan tahun kelahiran, tahun kematian dan peringkat serta perubahan secara radikal bermula dari kelahiran dan tumbesaran sehingga ke peringkat usia tua dan kematian. Tidak dinafikan bahawa isu memiliki usia yang panjang memang terbukti berlaku pada generasi sahabat. Namun, batasan usia mereka tidak melebihi 120 tahun dan jangka masa kewafatan yang terakhir pula adalah sekitar 100 Hijrah. Dengan genetik jangka hayat mereka yang berbeza-beza, ulama telah merekod nama, usia dan tahun kewafatan mereka mengikut tempat atau negeri terakhir yang mereka menetap sebagai sandaran dan asas kepada pengakhiran generasi awal Islam ini. Antaranya ialah Ḥakīm bin Ḥizām, iaitu salah seorang sahabat Nabi yang wafat di Madinah pada tahun 54 Hijrah dalam usia 120 tahun dan sempat melalui dua tempoh fasa iaitu 60 tahun di zaman jahiliyyah dan 60 tahun di zaman Islam (Al-Suyūṭī 1405H/1985M: 49).

Secara ringkas, usia di luar kewajaran logik akal manusia seperti yang mendakwa oleh golongan ini berlaku disebabkan konflik kelangsungan hidup dan tuntutan untuk kekal dalam kehidupan oleh si pendakwa. Setelah ketiadaan dan kewafatan generasi sahabat, terdapat pelbagai isu kontroversi yang telah mencalarkan kredibiliti dan kewibawaan mereka seperti yang dilakukan oleh golongan ini. Al-Āmilī (1415 H: 298) memberi contoh bahawa Baba Ratan al-Hindī yang muncul selepas tahun 600 Hijrah di India adalah individu yang mendakwa dirinya sebagai sahabat yang banyak meriwayatkan hadis daripada Nabi SAW serta memiliki usia yang panjang pada waktu itu.

Meskipun dalam jangka masa 3 kurun ini umat Islam dilanda dengan pelbagai kekacauan dan ketidakstabilan politik, namun usaha-usaha memelihara hadis dan sunnah tetap giat dilakukan oleh tokoh ulama Sunnī pada kurun ke 5 dan 6 Hijrah seperti al-Ḥāfiẓ Abū Bakar al-Baihaqī (m. 458 H), al-Khaṭīb al-Baghdādī (m. 463 H), Ibn al-Qaisarānī (m. 507 H), Muḥyī al-Sunnah al-Baghawī (m. 516 H), al-Qāḍī ʻIyād (m. 544 H), Abū Bakar al-Ḥāzimī (m. 584 H), Abū Mūsā al-Madīnī (m. 581 H), Muḥammad bin Tāhir al-Silafī (m. 576 H), al-Ḥāfiẓ Ibn al-Jawzī (m. 597 H) dan ramai lagi. Tidak terhenti sekadar itu, kebangkitan dalam menjaga warisan suci ini semakin menyerlah pada permulaan abad ke 7 Hijrah di tangan ulama ahli hadis dan fuqahā' Sunnī seperti al-Ḥāfiẓ ʻAbd al-Ghanī al-Maqdisī (m. 600 H), Ibn al-Athīr (m. 606 H), al-Diyā' al-Maqdisī (m. 643 H), al-Ḥāfiẓ al-Mundhirī (m. 656 H), Sultān al-ʻUlamā' al-ʻIzz Bin ʻAbd al-Salām (m. 660 H) dan selain mereka.

Justeru, dari pernyataan yang dihuraikan ia mendorong pengkaji untuk menelusuri dengan lebih mendalam perbahasan khusus berkaitan isu dakwaan dan pengakuan ini. Naratif pelik dan ganjil oleh periyawat hadis yang mendakwa diri mereka sebagai sahabat Nabi ini dapat dinilai melalui kaedah *al-Jarh wa al-Ta‘dīl* dan *‘Ulūm al-Ḥadīth* bagi tujuan pengabsahan. Menyedari pengakuan dan dakwaan ini berbaur persendaan dan penghinaan kepada para sahabat serta membawa kepada pemalsuan hadis, penelitian dan penyelidikan yang mendalam terhadap karakter dan latar belakang pihak yang mendakwa merupakan mekanisme penting dalam menentukan kredibiliti dan kewibawaan mereka sebagai sahabat Nabi. Untuk itu, keseluruhan kajian ini secara dasarnya adalah lebih tertumpu dan bergantung kepada penyelidikan kepustakaan. Sumber data primer bagi kajian ini adalah dari beberapa rujukan kitab turath seperti *‘Ulūm al-Ḥadīth* dan *Mu‘jam al-Ṣahābah*. Bagi penganalisisan data, pengkaji menggunakan pendekatan kaedah penelitian dan penyaringan kandungan teks untuk memilih dan mengasingkan data yang kurang relevan bagi mencapai objektif kajian.

DEFINISI SAHABAT

Umat Islam meyakini bahawa generasi sahabat memiliki hubungan yang rapat dengan Nabi Muhammad SAW dan mustahil mereka melakukan pembohongan atau menentang ajarannya. Karakter para sahabat dianggap *‘Udūl* melainkan mereka dibuktikan sebaliknya. Mereka juga adalah kumpulan individu yang bertanggungjawab dalam menyampaikan dan meriwayatkan setiap ucapan, perbuatan, kelakuan dan sifat Nabi Muhammad SAW kepada generasi umat Islam selepas kewafatan baginda.

Al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr berpandangan bahawa sahabat ialah sesiapa yang pernah melihat Rasulullah SAW dalam keadaan perawi memeluk Islam, meskipun hubungan persahabatannya tidak lama dan tidak

meriwayatkan satu hadis pun. Menurut Shākir, definisi ini merupakan pandangan majoriti ulama salaf dan khalaf (Shākir 1425H/2004M: 174).

Menurut ḨĀdīl Aḥmad ḨAbd Al-Mawjūd dan ḨAlī Muḥammad Muṣawwad pula bahawa sahabat ialah sesiapa yang bertemu Nabi SAW semasa hayatnya sebagai seorang muslim dan meninggal dunia dalam keadaan memeluk Islam. Menurut mereka berdua lagi, yang dimaksudkan dengan ‘sesiapa yang bertemu Nabi SAW’ ialah merangkumi semua golongan yang menemui Nabi SAW semasa hayatnya. Adapun orang yang melihat Nabi SAW selepas kewafatannya sebelum dikebumikan, maka ia tidak dianggap sebagai sahabat seperti Abī Dhūayib al-Hudhaliy al-Shāfi‘ī kerana beliau sempat melihat Nabi SAW sebelum dikebumikan. Seterusnya, terkeluar dari definisi ‘muslim’ ialah orang kafir yang sempat bertemu Nabi SAW dan memeluk Islam selepas kewafatannya seperti utusan *Hercules*, maka beliau tidak dianggap sebagai sahabat. Begitu juga terkeluar dari definisi ‘meninggal dunia dalam keadaan memeluk Islam’ iaitu orang yang menjadi kafir selepas memeluk Islam dan meninggal dalam kafir. Adapun orang-orang yang murtad selepas kewafatannya, kemudian memeluk Islam kembali dan meninggal dalam keadaan Islam, al-ḤIrāqī menjelaskan bahawa: “*Ada pertikaian tentang mereka, imam al-Syāfi‘ī dan Abū Hanīfah menetapkan bahawa murtad itu melucutkan gelaran sahabat yang terdahulu, seperti Qurrah bin Maysarah dan al-Ash‘ath bin Qais*”. Manakala shaikh al-Islām al-Hāfiẓ Ibn Ḥajar pula menegaskan bahawa gelaran nama sahabat itu adalah kekal untuknya, seperti seorang sahabat yang kembali memeluk Islam semasa hayat Nabi SAW iaitu ḨAbdullāh bin Abī Sarh. Selain itu, Ibn Ḥajar juga mempersoalkan adakah disyaratkan untuk bertemu Nabi SAW dalam jangka masa Nubuwwahnya atau lebih umum dari itu sehingga boleh dikategorikan sebagai sahabat bagi orang yang melihatnya sebelum dilantik menjadi Nabi dan meninggal dalam Ḥanīfiyyah seperti Zaid bin ḨAmr bin Nufail. Tambahnya lagi, begitu juga orang yang pernah melihatnya sebelum Nubuwwah dan memeluk Islam selepas diutuskan sebagai Nabi sedang orang tersebut tidak melihatnya. Al-ḤIrāqī berpandangan bahawa: “*Saya tidak melihat sesiapa pun yang menentang akan hal tersebut, sesungguhnya Ibn Mandah mengira bahawa Zaid bin ḨAmr termasuk di kalangan para sahabat*” (Al-ḤAsqalānī 1415H: Jil. 1, 9).

Berdasarkan pendefinisian di atas, kajian mendapati bahawa gelaran sebagai sahabat Nabi SAW mempunyai nilai integriti yang tinggi dan boleh dikaitkan dengan nilai-nilai agama serta norma sosial masyarakat yang beradab dan berakhlik tinggi dalam setiap situasi kehidupan. Dari pandangan yang dikemukakan oleh sarjana hadis, pengkaji lebih cenderung memilih kepada pentakrifan yang diberikan oleh ḨĀdīl Aḥmad ḨAbd Al-Mawjūd dan ḨAlī Muḥammad Muṣawwad kerana ia bersifat komprehensif serta menyeluruh untuk dikaitkan dengan isu dakwaan ini. Oleh yang demikian, kajian juga menjadikan definisi tersebut sebagai sandaran hujah bagi mengaplikasi teori dan konsep berkenaan keabsahan dan legitimasi generasi sahabat bagi merungkai status dan dakwaan para perawi yang muncul setelah kewafatan mereka.

TEMPOH MASA KEHIDUPAN GENERASI SAHABAT

Darliana Sormin (2016: 5) merumuskan bahawa terdapat beberapa perkara untuk menjustifikasi status sahabat sebagai kelompok awal dalam mengembangkan tradisi ilmu dan periyataan hadis Nabi kepada generasi kedua Hijrah, antaranya ialah melalui rekod *khabar mutawātir*, *mashhūr* dan *mustafid*. Selain itu, pengesahan dan pengakuan daripada sahabat Nabi sendiri dan keterangan daripada seorang tabi‘īn yang thiqāt juga merupakan kaedah penting dalam memastikan seseorang itu adalah sahabat Nabi. Antara lain, pengakuan sendiri oleh seorang perawi yang adil dianggap juga salah satu cara yang sesuai dalam menentukan statusnya sebagai salah seorang sahabat baginda. Dengan syarat, pengakuan tersebut dianggap sah dan diterima selagi mana hayatnya tidak melebihi sekitar seratus tahun setelah kewafatan Rasulullah SAW. Kenyataan ini didasari dengan hadis yang diriwayatkan oleh ḨAbdullāh bin ‘Umar RA bahawa:

صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الْعِشَاءَ فِي آخِرِ حَيَاتِهِ فَلَمَّا قَامَ أَرَأَيْتُكُمْ هَذِهِ فِي رَأْسِ مِائَةِ سِنَّةٍ مِنْهَا لَا يَبْقَى مِنْهَا لَوْمَهُ عَلَى
ظَهَرِ الْأَرْضِ أَحَدٌ

Maksud hadis: Nabi SAW solat Isyak bersama kami pada akhir hidupnya. Setelah memberi salam, Rasulullah berdiri seraya bersabda: “Apakah kalian mengetahui malam kalian ini? Sesungguhnya di penghujung seratus tahun tidak ada seorang (di antara kalian) yang hidup di atas muka bumi.” (Al-Bukhārī, 2000. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al-‘Ilm, Bāb al-Samar bi al-‘Ilm, 1: 31: 116)

Menurut Ibn Baṭṭāl, ungkapan yang disampaikan oleh Rasulullah ini menjelaskan bahawa generasi yang hidup pada masa itu akan meninggal dunia dalam tempoh seratus tahun. Oleh yang demikian, baginda menasihati tentang pendeknya umur dan usia mereka tidak seperti umat-umat yang terdahulu. Imam Nawāwī pula menjelaskan bahawa orang yang ada pada malam itu tidak akan hidup lebih dari seratus tahun lagi. Dalam masa yang sama, hal itu tidak menafikan bahawa orang yang lahir setelah malam itu akan hidup seratus tahun lamanya (Al-‘Asqalānī 1419H/1999: Jil. 1, 259).

Dapat difahami dari keterangan ini bahawa Nabi SAW telah memberikan isyarat bahawa tempoh masa kehidupan generasi sahabat akan habis dan mereka tidak akan hidup melebihi seratus tahun. Meskipun begitu, peranan dan sumbangan sahabat Nabi dalam sosial masyarakat sangat berpengaruh dan signifikan terhadap hadis-hadis yang mereka sampaikan setelah kewafatan Rasulullah SAW. Mereka bukan sahaja generasi terbaik setelah tingkatan para Nabi dan Rasul, malah mereka juga adalah kumpulan manusia yang paling dipercayai, diyakini dan bersifat adil dalam meriwayatkan hadis dan mendukung risalah suci yang diajar oleh Rasulullah SAW. Dengan kewafatan dan berakhirnya kelompok sahabat ini, kesinambungan perjuangan Islam disambung oleh generasi selepas mereka yang dikenali sebagai tābi‘īn. Kenyataan ini telah dijelaskan oleh hadis yang diriwayatkan oleh ‘Imrān bin Huṣain RA bahawa Nabi SAW bersabda:

خَيْرٌ أُمَّتِي قَرْنٌ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُمُ ثُمَّ الَّذِينَ يَلْوَحُمُ

Maksud hadis: “Sebaik-baik umatku adalah pada zamanku, kemudian orang-orang sesudah mereka, kemudian orang-orang sesudah mereka.” (Al-Bukhārī, 2000. Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb Faḍā'il Aṣhāb al-Nabī SAW, Bāb Faḍā'il Aṣhāb al-Nabī SAW Wa Man Ṣaḥiba al-Nabī SAW Aw Raāh Min al-Muslimīn Fahuwa Min Aṣhābih, 2: 718: 3693)

Di dalam keterangan yang lain, Abū Sa‘īd al-Khuḍrī RA meriwayatkan bahawa Nabi SAW bersabda:

لَا تَأْتِي مِائَةُ سَنَةٍ وَعَلَى الْأَرْضِ نَفْسٌ مَنْفَوْسَةٌ إِلَيْهَا

Maksud hadis: “Dalam kurun waktu seratus tahun yang akan datang, tidak ada lagi seorang pun yang masih hidup di atas muka bumi.” (Muslim, 2000. Ṣaḥīḥ Muslim, Kitāb Faḍā'il al-Saḥābah al-Nabī SAW, Bāb Qawlihi SAW – La Ta’tī Mi’ah Sanah Wa ‘Alā al-Ard Nafs Manfusah al-Yawm, 2: 1082: 6649)

Kajian mendapati bahawa teori kewafatan sahabat Nabi SAW yang paling akhir dapat diklasifikasikan kepada beberapa keadaan. Keadaan pertama ialah dengan cara memfokuskan kewafatan berdasarkan ketentuan tahun dan tempat kewafatan mereka. Yang kedua pula ialah penilaian khusus pada sahabat terakhir yang sempat menyaksikan peristiwa bersejarah seperti peristiwa Bai‘ah al-Ridwān, perjanjian ‘Aqabah, penyertaan kaum al-Muhajirīn dan al-Anṣār di dalam peperangan al-Badr, kehidupan bekas hamba Nabi atau perihal hidup Ummahāt al-Mu’mīnīn. Namun, teori yang pertama adalah lebih informatif dan relevan untuk dikaitkan dengan kewafatan mereka. Al-Suyūtī (1285H/1966: Juz 2, 229-332), merekodkan secara kolektif dan komparatif bahawa seramai 15 orang sahabat yang terakhir wafat dapat ditentukan berdasarkan kepada tahun dan tempat terakhir mereka. Berikut adalah senarai nama, tahun dan tempat kewafatan mereka: (1) Sahabat yang terakhir wafat di Başrah, Anas Bin Mālik wafat pada tahun 93 H (2) Sahabat yang terakhir wafat di Madinah, Sahl Bin Sa‘ad al-Anṣārī wafat pada tahun 88 H (3) Sahabat yang terakhir wafat di Makkah, Abū Tufail wafat pada tahun 110 H (4) Sahabat yang terakhir wafat di Kūfah, ‘Abdullāh Bin Abī Awfā wafat pada tahun 86 H (5) Sahabat yang terakhir wafat di Ḥimṣ, Shām, ‘Abdullāh Bin Busr al-Māzīniy wafat pada tahun 88 H (6) Sahabat yang terakhir wafat di Jazīrah, al-‘Urs Bin ‘Amīrah al-Kindiy (7) Sahabat yang terakhir wafat di Palestin, Abū Ubay ‘Abdullāh Bin Harām (8) Sahabat yang terakhir wafat di Mesir, ‘Abdullāh Bin al-Hārith Bin Juz’ al-Zubaidī wafat pada tahun 86 H (9) Sahabat yang terakhir wafat di Yamāmah, al-Hirmās Bin Ziyād al-Bāhiliy wafat pada tahun 102 H (10) Sahabat yang terakhir wafat di Barqah, Ruwaifi‘ Bin Thābit al-

Anṣārī wafat pada tahun 93 H (11) Sahabat yang terakhir wafat di Bādiyah, Salamah Bin al-Akwa^c. Namun, pendapat yang sahih beliau wafat di Madinah pada tahun 74 H (12) Sahabat yang terakhir wafat di Khurāsān, Buraidah Bin al-Ḥuṣaib (13) Sahabat yang terakhir wafat di Sijistān, al-‘Addā’ Bin Khālid Bin Hawdhah wafat pada tahun 73 H (14) Sahabat yang terakhir wafat di Aṣbahān, al-Nābighah al-Jaḍiy (15) Sahabat yang terakhir wafat di Samarqand, al-Faḍl Bin al-‘Abbās. Antara lain, Atho’illah Umar (2020: 101) mencatatkan bahawa sahabat yang terakhir wafat di Samarqand ialah Qutham bin al-‘Abbās, manakala sahabat yang terakhir wafat di Taif pula ialah ‘Abdullāh Bin al-‘Abbās.

Menurut al-Dhahabī (1427H/2006M: Jil. 4, 459), ‘Āmir Bin Wāthilah Bin ‘Abdullāh Bin ‘Amr al-Laithī al-Kinānī al-Hijāzī al-Shīrī atau dikenali sebagai Abū Ṭufail merupakan penutup bagi generasi sahabat yang pernah melihat Rasulullah SAW di dunia. Beliau hidup melangkaui hingga ke zaman tābi’īn dan tābi’ī al-tābi’īn. Namun, selepas 500 tahun berlalu muncul seorang yang mengaku pernah melihat dan menjadi sahabat Nabi SAW di benua India yang dikenali sebagai Baba Ratan. Al-Bukhārī (Jil. 6, 446) pula menjelaskan bahawa Abū Ṭufail sempat bertemu Rasulullah SAW selama 8 tahun dan beliau dilahirkan pada tahun berlakunya perang Uhud. Menurut al-Jurjānī pula (1418H/1997M: Jil. 6, 161), Abū Ṭufail telah meriwayatkan hadis daripada Rasulullah SAW lebih kurang dua puluh hadis.

Berdasarkan keterangan al-Suyūtī (1285H/1966M: Juz 2, 228-229), al-Dhahabī mensahihkan bahawa sahabat yang terakhir wafat ialah Abū Ṭufail iaitu pada tahun 110 H. Pandangan ini juga diputuskan oleh Muslim, Muṣṭab al-Zubairī, Ibn Mandah dan al-Mizzī. Menurut al-Suyūtī lagi, Abū Ṭufail juga merupakan sahabat Nabi yang terakhir wafat di Makkah (Al-Suyūtī 1285H/1966M: Juz 2, 230).

Al-Jaririy berkata:

كُنْتُ أَطْوُفُ بِالْبَيْتِ مَعَ أَبِي الطُّفَيْلِ فَيُحَجِّنِي وَاحْدِهُ، فَقَالَ لِي :مَا بَقَيَ عَلَى وَجْهِ الْأَرْضِ عَيْنٌ تَطْوُفُ مِنْ رَأْيِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَيْرِي

Maksud hadis: “Saya pernah bertawaf di Baitullah bersama Abī Ṭufail, dan beliau berbicara dengan saya dan saya juga berbicara dengannya,” kemudian beliau berkata kepada saya: “Tidak ada lagi di atas muka bumi yang pernah melihat Nabi SAW selain daripada aku.” (Al-Qurtubī, 1412H/1992M. Al-Iṣṭī‘āb Fī Ma‘rifah Al-Asḥāb, Kitāb Al-Kunā, Bāb Al-Tā’, Abū Ṭufail ‘Āmir Bin Wāthilah Al-Kinānī, 4: 1696: 3054)

PEMBAHAGIAN DAKWAAN SEBAGAI SAHABAT NABI

Menurut Ibrāhīm Ibn al-Siddīq (1420H/1999M: 9) dakwaan sebagai sahabat Nabi ini dibahagikan kepada dua bahagian, yang pertama ialah dakwaan berlaku daripada pengakuan dirinya sendiri dan yang kedua adalah individu yang diada-adakan. Secara ringkas, pembahagian dakwaan ini dapat dijelaskan seperti berikut:

1. Pengakuan Diri Sendiri

Dakwaan ini bermaksud kewujudan jasadnya dapat dilihat oleh orang ramai dengan cara mereka berhimpun dan meriwayatkan hadis serta dapat dibuktikan secara kronologi. Antara individu yang pernah direkodkan sebagai ciri kumpulan ini yang hidup sekitar kurun ke 5 hingga ke 7 Hijrah adalah seperti berikut:

a. Raṭan Bin ‘Abdullāh Al-Hindī Al-Bitrāndī

Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar mengenali beliau dengan beberapa nama antaranya Ratan atau Raṭan bin ‘Abdullāh al-Hindī al-Bitrāndī al-Mirandī bin Sāhūk bin Jakandarīq atau Ratan bin Naṣr bin Kirbāl atau Ratan bin Mīdan bin Mandī. Menurut Humām al-Dīn al-Saharkandiy bahawa namanya ialah Khawājā Raṭan bin Sāhūk bin Jakandarīq al-Hindī al-Bitrāndī. Beliau muncul selepas 600 tahun Hijrah dan mengaku sebagai sahabat Nabi dan individu yang memiliki usia yang panjang. Menurutnya lagi, terdapat sejumlah perawi yang meriwayatkan hadis daripada beliau antaranya ialah dua orang anaknya yang bernama Maḥmūd dan ‘Abdullāh, Mūsā bin Majlī bin Bandār al-Dunaisīriy, al-Ḥasan bin Muḥammad

al-Husainī al-Khurāsāniy, al-Kamāl al-Shirāziy, Ismā'īl al-Bāriqiy, Abū al-Faḍl ḨUthmān bin Abī Bakar bin Sa'īd al-Irbiliy dan ramai lagi (Al-^cAsqalāniy 1415H: 434-435).

Di dalam kitab *al-Isābah*, kajian menemukan sebanyak 25 hadis yang diriwayatkan oleh Ratan seperti yang telah dicatat oleh al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar. Selain itu, terdapat sebanyak 40 hadis Ratan yang bercanggah telah direkodkan oleh al-Dhahabī yang diriwayatkan daripada Sheikh Abū al-Faṭḥ Mūsā bin Majlī al-Sūfī pada tahun 673 H di dalam Khanqāh al-Sabiqiyah di Samnan (Al-^cAsqalāniy 1415H: 436).

Di dalam karya *Mīzān Al-Itidāl*, al-Dhahabī menegaskan bahawa Ratan adalah seorang syeikh penipu yang muncul selepas 600 tahun Hijrah dan mengaku sebagai sahabat Nabi. Menurutnya lagi, dikatakan bahawa beliau meninggal dunia pada tahun 632 H (Al-Dhahabī 1382H/1963M: 45). Berbeza dengan kenyataan al-Irbiliy, bahawa beliau mendengar hadis daripada Ratan pada tahun 655 H (Al-^cAsqalāniy 1415H: 435). Al-Dhahabī juga telah mengarang sebuah karya khusus berkenaan Ratan yang berjudul *Juz'u Kasr Wathan Ratan* dan ia telah diringkaskan oleh Al-Ḥāfiẓ Ibn Ḥajar (Al-^cAsqalāniy 1415H: 438). Al-Syarīf al-Muḥaddith Shams al-Dīn Abū al-Maḥāsin Muḥammad bin Ḫalī bin Hamzah al-Husainī al-Dimashqī juga telah menulis beberapa helaian kertas dengan tangannya sendiri berhubung pembohongan yang disampaikan oleh Ratan dengan judul *al-Jawāb 'An Shaikh al-Najdī Ratan al-Hindī* (Al-Makkiy 1998: 126).

Selain mendakwa sebagai sahabat dan memiliki usia yang panjang sehingga 600 tahun, beliau juga mengaku bahawa Nabi mendoakan usianya panjang sebanyak 6 kali, menghadiri majlis perkahwinan Saidatina Fatimah dan berhimpun bersama sekumpulan sahabat serta bersama Rasulullah SAW sewaktu peperangan Khandaq. Antara lain, terdapat juga penyelewengan sebahagian pengikut fanatisisme tasawuf di zamannya yang mendakwa bahawa beliau adalah mata Tuhan. Dan antara hadis palsu yang diriwayatkan oleh Ratan ialah “Sesiapa yang mati kerana benci kepada keluarga Muḥammad, matinya kafir” (Al-^cAsqalāniy 1415H: 436, 438 & 441).

Al-Dhahabī berpandangan bahawa terdapat orang awam di kalangan ahli sufi yang masih meriwayatkan hadis Ratan yang bertaraf *al-Wāhiyah*, di mana sanad di dalamnya terdapat perawi seperti al-Kāshaghri, al-Ṭībī dan Mūsā bin Majlī. Dan beliau menegaskan bahawa rantaian perawi Ratan adalah bersifat dusta yang tidak mencapai kepada tahap *Silsilah al-Dhabab* (Al-^cAsqalāniy 1415H: 437).

b. Rabī' bin Maḥmūd Al-Mārdīnī

Menurut Ibn Al-^cAjamī (1407H/1987M: 115), al-Ḥalabī menjelaskan bahawa Rabī' digelar sebagai *dajjāl* dan penipu kerana pernah mendakwa sebagai sahabat Nabi dan memiliki usia yang panjang pada tahun 599 Hijrah. Selain itu, Rabī' juga pernah mendengar dan meriwayatkan hadis daripada al-Ḥāfiẓ Ibn ^cAsākir sekitar tahun 560 Hijrah. Al-Ḥalabī juga menukil pendapat al-Dhahabī yang menyatakan bahawa status Rabī' tidak dijelaskan sebagai pendusta, namun dari sudut yang lain al-Dhahabī berpandangan bahawa memang terdapat individu lain yang mendakwa sebagai sahabat Nabi di zamannya. Dan al-Dhahabī juga menegaskan agar perlu dijelaskan hadis yang diriwayatkan oleh Rabī' kerana boleh jadi ia sebagai rekaan atau mungkin teks hadis tersebut memang dikenali. Selain itu, al-Dhahabī juga menjelaskan bahawa Rabī' mengaku bahawa beliau pernah mendengar hadis atau melihat Nabi SAW melakukan sesuatu perbuatan atau menyaksikan kedua-duanya sekali.

Ibn Ḥajar merekodkan bahawa al-Dhahabī juga menyatakan bahawa Rabī' pernah mendengar hadis sekitar tahun 562 Hijrah daripada daripada al-Ḥāfiẓ Ibn ^cAsākir (Al-^cAsqalāniy 1415H: Jil. 2, 431). Antara dakwaan hadis yang beliau riwayatkan daripada Nabi SAW ialah “*Beginilah Rasulullah SAW berjabat tangan dengan saya dan baginda meletakkan tangan kanannya di atas tangan kanan saya dengan erat sambil mendoakan saya agar panjang umur*” (Al-^cAsqalāniy 2002: Juz 3, 451) dan kisah yang diriwayatkan oleh Muḥammad Bin Hibah Allāh Bin Abī Jarādah bahawa ketika Rabī' melihat Nabi di dalam tidur semasa berada di Madinah, lantas Nabi bersabda kepadanya: “*Apakah kau telah berjaya di dunia dan akhirat?*” Kemudian beliau sedar dan mendengar Nabi bersabda kepadanya dalam keadaan terjaga (Al-^cAsqalāniy 1415H: Jil. 2, 431).

Ibn Ḥajar berpandangan bahawa tidak ada keterangan yang menyatakan bahawa Rabī' pernah mendakwa dirinya sebagai seorang yang memiliki usia yang panjang. Namun ada kemungkinan orang yang meriwayatkan hadis daripadanya pernah mendakwa bahawa Rabī' telah mendengar hadis daripada

Nabi SAW sewaktu dalam keadaan terjaga. Dan menurut ^cAbd al-Şamad bin Abī Jarādah bahawa Rabī' meninggal dunia di Baitulmuqaddis pada tahun 602 Hijrah (Al-^cAsqalānī 2002: 451). Al-Hasanī (1440H/2018M: 79) mencatatkan bahawa beliau wafat pada tahun 652 Hijrah.

c. ^cAbdullāh Bin Maḥmūd Bin Muḥammad

Ulama hadis tidak banyak menghuraikan berkenaan latar belakang periwayat ini. Namun dakwaannya sebagai perawi hadis muncul dan timbul selepas 600 tahun Hijrah. Menurut Ibn al-Abār, beliau dikenali sebagai ^cAbdullāh al-Mu^cammar yang muncul di Andalus di zaman tersebut dan pernah mendakwa bertemu dengan beberapa orang tabi^cīn. Menurut Qabshī, hadisnya diriwayatkan oleh Abū Muḥammad Bin Asad al-Juhaniy, namun Ibn al-Abār berpandangan periwayatannya masih lagi diperselisihkan (Ibn Al-Abār 1415H/1995M: Juz 2, 302).

Menurut Ibn Hajar (2002: Jil. 5, 6), ^cAbdullāh Bin Maḥmūd Bin Muḥammad digelar sebagai dajjāl. Beliau muncul selepas 600 tahun Hijrah dan mendakwa bahawa pernah bertemu dengan al-Ashajj al-Mu^cammar di Hamadhān. Antara ungkapan yang pernah beliau nyatakan ialah “*Saya pernah mengendarai imam ‘Alī*”, lantas beliau menyebut hadis-hadis yang disandarkan kepada Nabi dengan lafaznya “*Sesiapa yang mencium bau mawar dan tidak sampai kepadaku, maka dia bukan daripada golonganku.*”

Selain perincian tentang perawi ini tidak banyak dinyatakan oleh sarjana hadis, pembuktian nama-nama perawi yang meriwayatkan hadis daripadanya juga tidak dapat direkodkan.

2. Individu Yang Diada-adakan

Individu yang diada-adakan ialah orang yang tidak pernah wujud dan tidak ada orang yang pernah melihatnya kecuali orang yang mendakwa kewujudannya serta ia tidak dapat dibuktikan secara persejarahan kerana kemunculannya hanya sekadar dibuat-buat. Sifat kewujudannya juga ditokok tambah dengan memiliki pelbagai pengetahuan, kemuliaan dan bersendirian dalam ketinggian sanad serta tujuan-tujuan lain yang dibayangkan oleh si pendakwa semata-mata ingin menunjukkan kemuliaan, kehormatan dan kelebihan orang-orang Arab di zamannya. Antara individu yang pernah dicatatkan di tiga kurun ini adalah seperti berikut:

a. Nastūr Al-Rūmī

Menurut Ibn Hajar, Nastūr al-Rūmī adalah salah seorang pendusta. Antara pembohongannya ialah bahawa beliau mendakwa pernah bertemu Nabi SAW dan hidup selepas kewafatan baginda selama lebih dari tiga ratus tahun (Al-^cAsqalānī 1415H: Jil. 6, 398). Selain itu, al-Dhahabī juga menjelaskan bahawa dikatakan Nastūr al-Rūmī ini adalah individu yang sama bernama Ja^cfar Bin Nastūr al-Rūmī (Al-Dhahabī: Jil. 2, 105). Kenyataan ini juga disokong oleh Ibn Hajar seperti yang direkodkan di dalam catatannya dan beliau menganggap Nastūr al-Rūmī sebagai seorang perosak atau tidak pernah wujud (Al-^cAsqalānī 2002: Jil. 8, 256).

Selain itu, dapatan kajian juga menemukan bahawa Nastūr al-Rūmī adalah ayah kepada anaknya yang bernama Ja^cfar Bin Nastūr al-Rūmī. Menurut penilaian Ibn Hajar, terdapat beberapa riwayat hadis yang disandarkan kepada Ja^cfar tentang persoalan usia ayahnya yang bernama Nastūr al-Rūmī (Al-^cAsqalānī 1415H: Jil. 6, 398). Antara lain, nama Ja^cfar Bin Nastūr al-Rūmī ini juga direkodkan sebagai salah seorang perawi yang meriwayatkan hadis secara langsung daripada Nabi SAW. Namun, namanya tidak layak dikategorikan sebagai perawi yang lemah kerana sibuk dengan pembohongannya. Dari segi rantaian periwayatan, hadisnya diriwayatkan oleh perawi yang bernama Maṇṣūr bin al-Hakam. Antara lain, Ibn Hajar juga menjelaskan bahawa Ja^cfar Bin Nastūr al-Rūmī dilahirkan pada tahun 432 Hijrah dan hidup selama tiga ratus empat puluh tahun (Al-^cAsqalānī 2002: Jil. 2, 478).

Merujuk kepada catatan al-Dhahabī, sanad periwayatan yang disandarkan kepada Ja^cfar Bin Nastūr al-Rūmī adalah tersangat lemah dan periwayatan hadis yang disandarkan kepadanya tidak diterima serta matannya bersifat batil. Beliau digelar sebagai Dajjāl dan susuknya tidak wujud sama sekali.

Dinyatakan bahawa beliau pernah meriwayatkan hadis di daerah Fārāb pada tahun 350 Hijrah (Al-Dhahabī: Jil. 1, 85-86).

Bagi menjelaskan periwayatannya, Ibn Hajar telah mencatatkan beberapa hadis Nasṭūr al-Rūmī ini seperti berikut:

- i. Abū al-Qāsim al-Ḥakīm menceritakan bahawa Nasṭūr al-Rūmī berkata: “Cambuk Nabi SAW pernah jatuh daripada tangannya ketika perang Tabuk, kemudian saya turun dari kuda, lalu mengusap dan mengangkatnya kepada baginda. Lantas Nabi bersabda kepada saya:

مَدَ اللَّهُ فِي عُمْرِكَ

Maksud hadis: “Semoga Allah memanjangkan umurmu”. (Al-^cAsqalānī 1415H. Al-Iṣābah Fī Tamyīz Al-Ṣahābah, Ḥarf Al-Nūn, Al-Qism Al-Rābi^c, Al-Nūn Ba^cdahā Al-Sīn, Nasṭūr al-Rūmī, 6: 398: 8913)

- ii. Abū al-Qāsim al-Ḥakīm al-Ashbāriyānī menceritakan bahawa Nasṭūr al-Rūmī pernah menceritakan hadis kepada kami di negeri Fārāb, daripada Nabi SAW bersabda: “Jibril AS mengajarkan kepadaku doa ini:

نَبِيٌّ إِلَهِي لِلخَطَرِ الْعَظِيمِ وَآمِنِي مِنْ عَذَابِ الْأَلِيمِ.

Maksud hadis: “Wahai Tuhanaku, peringatkanlah aku akan kebaikan yang agung dan peliharalah aku dari siksaan-Mu yang pedih.” (Al-^cAsqalānī 2002. Lisān Al-Mīzān, Ḥarf Al-Nūn, Min Ismihi Nizār Wa Nasṭūr, 1927 Mukarrar - Nasṭūr al-Rūmī, Wa Qīlā Ja^cfar Bin Nasṭūr: 8: 256)

- iii. Abū Ja^cfar ^cUmar Bin al-Ḥasan Bin Abī Bakr al-Sāmānī pernah bertanya kepada Ja^cfar Bin Nasṭūr al-Rūmī pada tahun 479 Hijrah: “Berapa lamakah ayahmu hidup sebelum doa Nabi SAW?” Beliau menjawab: “Tiga puluh tahun, dan beliau hidup selama tiga ratus tahun selepas doanya.” (Al-^cAsqalānī 1415H. Al-Iṣābah Fī Tamyīz Al-Ṣahābah, Ḥarf Al-Nūn, Al-Qism Al-Rābi^c, Al-Nūn Ba^cdahā Al-Sīn, Nasṭūr al-Rūmī, 6: 398: 8913)

Fallātah (1401H/1981M: 3: 27) menjelaskan bahawa Khaṭīb al-Mūṣil ada memiliki sebuah salinan yang terkandung 6 hadis Nasṭūr yang beliau dengar daripada Abū al-Muzaffar di Tirmidh pada tahun 512 Hijrah.

Di bawah ini pula merupakan sebahagian hadis yang disandarkan kepada Ja^cfar Bin Nasṭūr al-Rūmī melalui sanad periwayatan Manṣūr bin al-Ḥakam. Penjelasannya adalah seperti berikut:

- i. Ja^cfar Bin Nasṭūr al-Rūmī berkata: “Saya pernah bersama Nabi SAW dalam perang Tabuk, tiba-tiba cambuk jatuh daripada tangannya. Kemudian saya turun dari kuda dan mengangkatnya untuk diberikan kepada baginda. Lantas Nabi bersabda:

مَدَ اللَّهُ فِي عُمْرِكَ مَا فَعَلْتَ بَعْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَلَاثَ مِائَةً وَعَشْرِينَ سَنَةً

Maksud hadis: “Semoga Allah memanjangkan umurmu”. Selepas itu saya hidup setelah kewafatan Nabi SAW selama tiga ratus dua puluh tahun.” (Al-^cAsqalānī 2002. Lisān Al-Mīzān, Ḥarf Al-Jīm, Min Ismihi Ja^cfar Bin Nasṭūr Al-Rūmī, 2: 478: 1927)

- ii. Ja^cfar Bin Nasṭūr al-Rūmī berkata: Rasūlullāh SAW telah mengajarkan kepadaku doa ini sebagaimana baginda mengajarkan kepadaku satu surah dari al-Quran. Doanya ialah:

نَبِيٌّ إِلَهِي لِلخَيْرِ الْعَظِيمِ وَآمِنِي مِنْ عَذَابِ الْأَلِيمِ

Maksud hadis: “Wahai Tuhanaku, peringatkanlah aku akan kebaikan yang agung dan peliharalah aku dari siksaan-Mu yang pedih.” (Al-^cAsqalānī 2002. Lisān Al-Mīzān, Ḥarf Al-Jīm, Min Ismihi Ja^cfar Bin Nasṭūr Al-Rūmī, 2: 478: 1927)

Ternyata hadis-hadis yang dinyatakan ini adalah sama seperti hadis yang diriwayatkan oleh Nasṭūr al-Rūmī.

b. *‘Ammār Al-Mu‘ammar*

Al-Ghbīrī menyebutkan bahawa *‘Ammār al-Mu‘ammar* ini tinggal di sebuah negeri yang bernama Qaṭannah, iaitu negeri terakhir Turki dari arah kanan di sebelah kawasan kanan gunung yang dihalang oleh Iskandar dari kerosakan Ya’jūj dan Ma’jūj. Berdasarkan terjemahan latar belakang tokoh yang bernama *‘Alī Ibn Abī Naṣr Fath* Ibn ‘Abdullāh (m. 652 H) yang berasal daripada penduduk Bijāyah, al-Ghbīrī (1979: 140-141) menjelaskan bahawa:

“Shaikh al-Šāliḥ Abū ‘Abdillāh Ibn al-Qā’id al-Qaṣṣār berkata: “Aku hadir dalam satu majlis bersama dua orang guru yang soleh iaitu Abī Zakariā al-Zawāwī dan Abī al-Hasan bin Abī Naṣr Fath bin ‘Abdillāh pada tahun 650 Hijrah. Di dalam majlis tersebut, shaikh Abū Zakariā bertanya kepada shaikh Abū al-Hasan tentang perjalannya ke timur dan pengalamannya tentang perkara-perkara aneh dan keajaiban.”

Lalu beliau merespon: “Saya telah menghadiri beberapa pengajian ilmu pada tahun 602 Hijrah bersama salah seorang cucu al-Shaikh al-Tāhir al-Mubārak *‘Ammār al-Mu‘ammar* dengan berkat doa Nabi kepadanya. Dan saya teringin agar beliau menemukan saya dengan datuknya supaya saya dapat keberkatan daripadanya, lalu beliau melakukannya. Kemudian, saya pun masuk bersamanya untuk bertemu datuknya dan saya dapat beliau di dalam buaian berbalut kapas, kedua matanya bersinar-sinar seakan-akan delima dan janggutnya berwarna hitam yang kelihatan dirapi setelah berguguran, lantas saya memberi salam kepadanya dan beliau pun menjawabnya.”

Kemudian cucunya berkata kepadanya: “Wahai datukku, beliau ini merupakan pelajar dari Maghribi yang mempelajari ilmu bersama saya. Beliau meminta saya untuk berjumpa kamu agar mendapat berkat dan kamu mendoakannya.” Lantas beliau pun mendoakan saya dengan kedengaran suara yang samar-samar dan dapat difahami.

Dan saya pun berkata kepadanya: “Wahai tuan, kamu telah melihat penghulu kepada Nabi yang pertama dan yang terakhir, iaitu Nabi Muhammad SAW. Bolehkah kamu sampaikan kepadaku sebuah hadis yang dapat saya riwayatkannya daripada kamu?” Lantas beliau berkata: “Ya, Rasulullah SAW pernah berpesan kepada kami agar memperbanyak membaca al-Quran dari surah-surah al-Qalāil.” Shaikh Abū al-Hasan bertanya: “Adakah ia selamat dari kefakiran?”

Berdasarkan periyawatan hadis ini, al-Ghbīrī (1979: 141-142) menjelaskan bahawa kedudukan orang *‘Ālim* yang bernama Abū al-Hasan ini memiliki darjah yang tinggi kerana beliau dikira sebagai salah seorang *tābi‘īn* dan perkara ini dapat diketahui berdasarkan kepada petikan yang dinukilkan oleh shaikh al-Tāhir al-Mubārak. Namun, *Mu‘ammar* ini dikatakan tidak wujud, walaupun terdapat sebahagian pada sanad periyawatan hadis yang mengada-adakannya.

Menurut Ibrāhīm Ibn al-Šiddīq (1420H/1999M: 13), *‘Ammār al-Mu‘ammar* ini sebenarnya tidak wujud, tetapi terdapat orang yang mengada-adakannya di dalam sanad.

c. *Ma‘mar Atau Mu‘ammar Bin Buraik*

Ma‘mar atau *Mu‘ammar* Bin Buraik digelar sebagai Abū ‘Abdullāh merupakan seorang perawi hadis yang diada-adakan. Al-Dhahabī (1382H/1963M: 4: 156: 8691) menyimpulkan bahawa hadis-hadis yang disandarkan kepada *Ma‘mar* Bin Buraik diriwayatkan oleh sekumpulan perawi negeri al-Sanjār dan hadisnya dinilai tidak sahih dan ia merupakan satu pembohongan yang nyata. Dapatkan kajian yang ditemukan dari kenyataan al-Dhahabī ini melalui periyawatan *‘Alī bin Ismā‘īl al-Sinjārī* pada tahun 629 Hijrah jelas menunjukkan bahawa *Ma‘mar* atau *Mu‘ammar* Bin Buraik ini hidup sekitar pada kurun ke 7 Hijrah.

Menurut catatan Ibn Ḥajar (1415H: 6: 291), Ma‘mar Bin Buraik merupakan individu yang namanya direka oleh sebahagian pendusta dari Maghrib, kemudian mereka menghubungkan sanadnya kepada al-Šaqallī dengan dakwaan bahawa beliau pernah berjabat tangan dengannya dan usia Ma‘mar ketika itu ialah 400 tahun. Selain itu, Abū al-Ḥasan Ibnu Abī Naṣr al-Bajjānī menyebutkan bahawa beliau pernah melihat Ma‘mar Bin Buraik di sebuah negeri bernama Qaṭanah di hujung kawasan daerah Turki. Begitu juga Ibn Ḥajar mendapati bahawa beliau muncul selepas tahun 600 Hijrah. Selain itu, diriwayatkan oleh al-Nāṣir Li Dīn Allāh al-Abbāsī bahawa ketika beliau berburu, mereka meminta pemburu untuk mencari binatang buruan sehingga mereka berdiri di sebuah kampung yang penduduknya mendakwa bahawa mereka semua adalah daripada keturunan Mu‘ammar. Antara hadis yang diriwayatkan oleh Ma‘mar Bin Buraik ialah:

- i. ‘Alī bin Ismā‘il al-Sinjārī mendengar hadis di Sinjār pada tahun 629 Hijrah daripada Ma‘mar Bin Buraik bahawa beliau mendengar Rasūlullāh SAW bersabda: “Seseorang itu menjadi beruban dan menjadi pemuda pada dua hal, iaitu keghairahan dan angan-angan.” (Al-Dhahabī 1382H/1963M. Mīzān Al-I‘tidāl Fī Naqd Al-Rijāl, Ḥarf Al-Jīm, Ma‘mar Aw Mu‘mar Bin Buraik, 4: 156: 8691)
- ii. Ma‘mar Bin Buraik berkata bahawa Rasūlullāh SAW bersabda: “Empat orang yang akan disalibkan di tepi neraka: Orang yang zalim dalam penghakimannya, orang yang melampui batas terhadap rakyatnya, orang yang mengingkari takdir dan orang yang membenci keluarga Muḥammad.” (Al-Dhahabī 1382H/1963M. Mīzān Al-I‘tidāl Fī Naqd Al-Rijāl, Ḥarf Al-Jīm, Ma‘mar Aw Mu‘mar Bin Buraik, 4: 156: 8691)
- iii. ‘Alī bin Ismā‘il al-Sinjārī mendengar hadis daripada Ma‘mar Bin Buraik secara Marfū‘: “Siapa yang mencium bau bunga mawar dan tidak berselawat ke atasku, maka sungguh dia telah berbuat kasar kepadaku.” (Al-Dhahabī 1382H/1963M. Mīzān Al-I‘tidāl Fī Naqd Al-Rijāl, Ḥarf Al-Jīm, Ma‘mar Aw Mu‘mar Bin Buraik, 4: 156: 8691)
- iv. Abū ‘Abdillāh Muḥammad al-Šaqallī berkata: Guruku, Abū ‘Abdillāh Mu‘mar berjabat tangan denganku dan beliau menyebutkan bahawa beliau pernah berjabat tangan dengan Nabi SAW dan baginda mendoakan untuknya seraya bersabda: “Semoga Allah memanjangkan umurmu wahai Mu‘mar. Dan beliau hidup selama empat ratus tahun.” (Al-‘Asqalānī 2002. Lisān Al-Mīzān, Ḥarf Al-Mīm, Min Ismihi Ma‘mar Wa Mu‘mar, 8: 118: 7861)

d. Abū Al-Hasan Bin Nawfal Al-Rā‘ī

Ibn Ḥajar (1415H: 7: 84) menukil pandangan al-Dhahabī bahawa Abū al-Hasan Bin Nawfal al-Rā‘ī merupakan seorang pendusta, yang mengaku sebagai sahabat Nabi dan merupakan individu yang tidak wujud. Antara perawi yang meriwayatkan hadis Abū al-Hasan Bin Nawfal al-Rā‘ī ialah ‘Alī Bin ‘Aun yang meriwayatkan hadisnya secara *tafarrud*, Ṣadr al-Dīn Bin Ḥamawīh al-Juwaynī dan al-Mu’ayyad Muḥammad Bin ‘Alī al-Ḥalabī (Al-‘Asqalānī 1415H: Jil. 7: 84). Al-Dhahabī menjelaskan bahawa ‘Alī bin Ghawth al-Tanīsī pernah bertemu dengannya di Turkistan setelah tahun 600 Hijrah (Al-Dhahabī 1382H/1963M: Jil. 4: 515: 10101).

Antara hadis yang beliau riwayatkan ialah:

- i. Abū al-Hasan Bin Nawfal al-Rā‘ī berkata: “Saya membawa Nabi SAW pada malam terbelahnya bulan.” (Al-Dhahabī 1382H/1963M. Mīzān al-I‘tidāl Fī Naqd Al-Rijāl, Bab Al-Kuna - Abū al-Hasan, 4: 515: 10101)

e. Al-Ashajj

Menurut Ibn Ḥajar (1415H: 1: 376), namanya ada disebutkan dalam satu khabar palsu yang diadakan oleh Maḥmūd Bin ‘Alī al-Tarāzī, iaitu salah seorang pendusta yang hidup selepas tahun 500 Hijrah. Antara hadis palsu yang beliau sebarkan ialah:

i. Kami diceritakan oleh al-Ashajj sahabat Nabi SAW, beliau berkata: “Kami telah keluar seramai empat ratus lima puluh orang untuk berdagang, kemudian saya memeluk Islam di tangan ‘Alī, lalu beliau membawa saya berjumpa Nabi SAW sedang baginda membahagi-bahagikan harta rampasan Badar.” (Al-^cAsqalānī 1415H. Al-İṣābah Fī Tamyīz Al-Şahābah, Ḥarf Al-Alif, Al-Qism Al-Rābi^c, Min Ḥarf Al-Alif, Bab Al-Alif Ba^cdahā Al-Shīn, 1: 376: 541)

Mengulas hadis di atas, Ibn Hajar (1415H: 1: 376) menemukan sebuah salinan yang mengandungi lebih daripada empat puluh hadis dari jalan lain yang diriwayatkan daripada Qais Bin Tamīm daripada al-Ashajj berkenaan kisah ini. Dan hadis-hadis lain kebanyakannya adalah rekaan dan kepalsuannya sangat jelas.

FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN DAKWAAN SEBAGAI SAHABAT NABI

Setelah dianalisis, kajian membuktikan bahawa terdapat dua faktor utama yang mempengaruhi si pendakwa untuk menjustifikasi sebagai seorang sahabat Nabi dan memiliki usia yang panjang dalam meriwayatkan hadis Nabi SAW. Kedua-dua faktor tersebut dapat dihuraikan seperti berikut:

1. Fanatik Kepada Ketinggian Sanad

Tuntutan untuk memiliki sanad *al-^cUluww al-Muṭlaq* atau kedudukan rantaian perawi yang dekat dan menerima secara langsung daripada Rasulullah SAW perlu dinilai dari aspek kesesuaian zaman dan latar belakang perawi tersebut. Proses implementasi dari pengumpulan Sunnah Nabawi dan penyusunannya di dalam karya-karya terkenal seperti *Muwaṭṭa’* imam Mālik, *Sunan al-Sittah*, karya para imam hadis yang masyhur dan musnad-musnad mereka juga merupakan salah satu tuntutan untuk memelihara ketinggian sanad bagi menghasilkan periwayatan hadis yang sahih dan menjauhkan dari berlakunya kerosakan pada hadis. Meskipun karya-karya induk hadis ini dihimpunkan selepas kewafatan Nabi SAW, namun latar belakang dan posisi rantaian perawinya tetap berkualiti dan tinggi nilainya kerana masih dekat dengan para imam hadis yang thiqah. Mendalam teori ini, konsep ketinggian sanad seperti ini dikenali sebagai *al-^cUluww al-Nisbī* oleh para ulama dan sarjana hadis.

Tidak dinafikan, tuntutan sistem rantaian periwayatan yang tinggi dalam meriwayatkan hadis di era klasik Islam merupakan salah satu tata tertib dan disiplin utama untuk memelihara ketulenan ilmu. Namun, kemuliaan dan ketinggian mata rantai ini seharusnya tidak dimanipulasi dengan dakwaan karut dan dusta dalam meriwayatkan hadis. Keghairahan sebahagian golongan yang mengaku memiliki usia yang panjang dan menganggap diri mereka sebagai generasi sahabat dengan dakwaan bertemu Rasulullah SAW secara langsung dan meriwayatkan sejumlah hadis setelah ratusan tahun kewafatan baginda tanpa mematuhi kaedah dan metode ilmu hadis yang ditetapkan oleh para ulama hadis adalah satu keterlampauan dan keterlaluan. Untuk menilai dakwaan palsu ini, ulama hadis telah menetapkan kaedah yang berkesan dengan cara mengkaji dan menyelidik latar belakang dan sejarah hidup serta pendidikan perawi. Sememangnya tujuan dan keperluan sistem mata rantai di era klasik Islam adalah bagi memastikan kesahihan riwayat sesuatu hadis dan menghasilkan ketulenan ilmu dengan menilai latar belakang perawinya. Selain itu, dengan sistem mata rantai atau sanad ini juga turut menekankan aspek adab dan akhlak perawi di samping kefahaman terhadap ilmu itu sendiri.

Di sebabkan kefanatikan golongan ini kepada pemilikan sanad yang tinggi dan dekat dengan Rasulullah SAW, justeru sebilangan ulama kontemporari tidak mementingkan akan ketinggian jarak sanad namun mereka lebih cenderung kepada ketinggian sifatnya. Menurut syeikh ^cUthaimīn (1415 H/1994: 36), ketinggian sanad itu terdiri dari dua jenis iaitu ketinggian pada sifat dan ketinggian pada bilangan. Beliau menjelaskan bahawa ketinggian sanad pada sifat ialah seorang perawi yang lebih kuat dari segi ingatan atau keadilan daripada perawi yang ada dalam sanad yang lain. Manakala ketinggian pada bilangan pula bermaksud bilangan perawi dalam satu sanad lebih sedikit berbanding dengan sanad yang lain. Ini kerana semakin sedikit bilangan perawi, semakin kurang kebarangkalian berlaku kesilapan. Dan ia lebih dekat kepada yang sahih.

Selain itu, Ibrāhīm Ibn al-Ṣiddīq (1420H/1999M: 8) juga menjelaskan bahawa:

“Hadis yang memiliki ketinggian sanad pada sifat perawi itu adalah hadis yang sahih, dari satu aspek tujuannya adalah untuk mengelakkan berlakunya sebarang ketirisan di dalam periwayatan hadis Nabi. Terdapat sekumpulan orang awam yang mengaitkan diri mereka kepada ahli hadis dan sekumpulan pencinta sanad yang bukan daripada kalangan orang yang pakar, sedang mereka sangat ter dorong lagi tertarik untuk mencari sanad yang tinggi secara sembarangan dan tidak terikat dengan kaedah-kaedah ilmu hadis seperti meneliti keadaan syeikh, mengesahkan periwayatannya dan seterusnya apa yang perlu diketahui oleh mereka berkenaan hal ini. Demikianlah mereka merupakan konsep kedudukan sanad yang tinggi yang telah ditetapkan oleh para imam hadis berkenaan hal tersebut. Justeru, mereka menerimanya daripada setiap orang yang mendakwa, biarpun dakwaan itu adalah perkara yang mustahil.”

Ishak (1997: 53) menukil pandangan Ibn Khaldūn bahawa ulama hadis dalam meneliti berita yang berkaitan dengan persoalan agama amat menitikberatkan kepada kualiti si pembawa berita tersebut. Jika si pembawa berita terdiri dari individu yang berkualiti dan boleh dipercayai, maka berita itu dikatakan sahih. Sekiranya pembawa berita tersebut diragui dan tidak dipercayai maka berita itu tidak boleh dijadikan hujah dalam agama.

Sifat fanatik kepada ketinggian sanad ini juga berlaku kerana kepentingan peribadi si pendakwa. Ini dapat dibuktikan dengan kenyataan seorang lelaki kulit hitam yang bernama Mansūr bin Ḥuzāmah yang berasal dari Sudan, ketika datang ke Andalusia pada tahun 329 H, beliau telah mendakwa sebagai hamba kepada Rasulullah SAW dan kononnya sempat bertemu Saidinā ^cUthmān bin ^cAffān semasa usia remaja di zamannya. Selain itu, beliau juga mengaku pernah menyertai peperangan Jamal bersama Saidatinā ^cĀisyah dan berkesempatan menyaksikan pertempuran Shiffīn. Beliau juga mendakwa telah dibebaskan oleh Rasulullah SAW dan keluar dari Andalusia menuju ke Moroko pada tahun 330 H. Al-Tilmisānī (1997: 11) mengkritik bahawa ke semua dakwaan ini adalah berstatus *Lā Aṣla Lahu*.

Oleh yang demikian, di era moden ini mengenal pasti ciri ketinggian sanad sesuatu hadis yang dibentangkan itu bukan hanya melalui sedikit bilangan perawinya sahaja, tetapi ketinggiannya juga bergantung kepada sifat perawi itu sendiri. Selain itu, dengan mengetahui serta menentukan keseluruhan senarai nama para sahabat dari sumber yang muktabar dan terkenal, ia secara tidak langsung membantu untuk menyaring antara perawi sahabat yang sedia ada kewujudannya dan yang palsu.

2. Fanatik Kepada Kemasyhuran

Selain seorang individu yang meriwayatkan hadis kepada orang awam dengan bilangan perantaraan perawi yang sedikit, faktor lain kewujudan golongan ini adalah menginginkan populariti. Dengan mengemukakan pelbagai kelebihan dan dakwaan seperti memiliki usia yang panjang, orang ramai akan tertarik dan berbondong-bondong untuk berkumpul di sekelilingnya bagi mendengar hadis yang ingin disampaikan daripada Nabi SAW. Selain itu, dengan modal penampilan yang bersemangat dan keterujaan yang tinggi untuk bercerita, orang awam dan mereka yang rendah fahaman agamanya juga mudah terpengaruh dengan pernyataan yang disandarkan kepada Nabi SAW demi meraih kemasyhuran dan kemuliaan. Sebagai contoh, Ibrāhīm bin Hudbah Abū Hudbah al-Fārisī, yang juga dikenali sebagai orang yang suka meminta-minta di tepi jalan dan biasa diundang ke majlis perkahwinan di Baghdad untuk menghiburkan orang ramai dengan cara menyanyi dan menari. Apabila usianya telah lanjut dan tua, beliau mendakwa bahawa pernah mendengar hadis daripada Anas bin Malik RA. Dan dapat dibuktikan bahawa beliau hidup sekitar kurun ke 3 Hijrah (Al-^cAsqalānī 2002: Jil. 1, 377).

Al-Abnāsī (1418H/1998M: Jil. 2, 423) menjelaskan bahawa:

“Sekiranya di dalam sanad yang tinggi itu terdapat perawi yang lemah, maka tidak perlu memberi perhatian kepadanya lebih-lebih lagi jika ada sebahagian pendusta yang datang terkemudian yang mengaku pernah mendengar hadis daripada sahabat seperti Ibrāhīm bin Hudbah, Dīnār bin ^cAbdullāh, Kharāsh, Nu‘aim bin Sālim, Ya‘lā bin Al-Ashdaq, Abī al-Dunyā Al-Ashajj dan seumpama mereka. Al-Ḥāfiẓ al-Dhahabī menjelaskan bahawa, bila anda melihat seorang muḥaddith bergembira dengan

sanad ḣālī dan golongan yang kami sebutkan, maka ketahuilah bahawa muḥaddith itu masih dalam keadaan buta.”

Daripada perbincangan di atas, jelas menunjukkan bahawa kedua-dua faktor ini adalah perkara utama yang mendorong kepada pretensi secara palsu dan dusta supaya golongan ini diberi perhatian, reaksi dan layanan khusus tentang apa yang dinisbahkan kepada Nabi SAW. Ternyata tindakan mereka ini tersasar dalam mempraktikkan kaedah periwayatan hadis dan ilmu-ilmunya kecuali ia satu kebetulan atau persamaan dalam teks hadis yang diriwayatkan atau seumpama dengannya.

KESIMPULAN

Kajian membuktikan bahawa seawal kurun ke 5 hingga ke 7 Hijrah, telah berlaku pemalsuan identiti oleh periwayat yang mengaku sebagai sahabat Nabi SAW dengan bersumberkan keterangan latar belakang mereka dan beberapa hadis yang direkodkan. Hakikatnya, kemunculan mereka setelah kewafatan sahabat Nabi yang terakhir yang bernama Abū Ṭufail adalah satu pembohongan dan pendustaan ke atas syariat, sejarah Islam dan sunnah Rasulullah SAW. Kewujudan mereka ini sebenarnya adalah berpunca dari konflik dan tuntutan untuk kekal dalam kelangsungan hidup dengan faktor kefanatikan dalam kedudukan rantaian sanad yang dekat dengan Rasulullah SAW serta keghairahan mengejar populariti di kalangan manusia. Rasulullah SAW menjelaskan bahawa jangka hayat para sahabat hanya tertumpu sekitar 100 tahun Hijrah dan kenyataan ini disokong dengan tahun kewafatan Abū Ṭufail yang meninggal pada tahun 110 Hijrah. Oleh yang demikian, dengan berpegang kepada tahun kewafatan Abū Ṭufail ini, jelas menunjukkan bahawa dakwaan kemunculan golongan ini adalah palsu dan tidak benar sama sekali serta secara tidak langsung ia terkeluar dari definisi sahabat seperti yang dinyatakan oleh Ḥāfiẓ Abū Ḥāmid Muṣṭafā al-Baghdādī dan Ḥāfiẓ Abū Muṣṭafā al-Baghdādī.

RUJUKAN

- Al-Abnāsī, Ibrāhīm Bin Mūsā Bin Ayyūb, Burhān Al-Dīn Abū Ishāq. 1418H/1998M. *Al-Shadhdhā Al-Fayyāḥ Min ḡUluūm Ibn Ṣalāḥ*, Tahkik oleh Ṣalāḥ Fathī Halal, 2 Jilid, Maktabah Al-Rushd.
- Al-Āmilī, Abū Al-Faḍāil Muḥammad Ibn Al-Shaikh Ḥusain, 1415H. *Al-Arba‘ūn ḥadīthan*, Qum: Muassasah Al-Nashr Al-Islāmī.
- Al-Asqalāniy, Abū Al-Faḍl Aḥmad Bin Ḩāfiẓ Abū Muṣṭafā al-Baghdādī, 2002M. *Lisān Al-Mīzān*, Tahkik oleh Ḥāfiẓ Abū Ḥāmid Muṣṭafā al-Baghdādī, Jilid 3, Dār Al-Bāshāir Al-Islāmiyyah.
- Al-Asqalāniy, Abū Al-Faḍl Aḥmad Bin Ḩāfiẓ Abū Muṣṭafā al-Baghdādī, 1415H. *Al-İṣābah Fī Tamyīz Al-Ṣaḥābah*, Tahkik oleh Ḥāfiẓ Abū Ḥāmid Muṣṭafā al-Baghdādī dan Ḩāfiẓ Abū Muṣṭafā al-Baghdādī, Jilid 2, Bairūt: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Al-Asqalāniy, Aḥmad bin Ḩāfiẓ Abū Muṣṭafā al-Baghdādī, 1419H/1999. *Fatḥ Al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*, 13 Jilid, Al-Qāhirah: Dār Al-Manār.
- Al-Bukhārī, Abū Ḥāfiẓ Abū Ḥāmid Muṣṭafā al-Baghdādī, 1419H/1999. *Al-Tārīkh Al-Kabīr*, Di bawah Pengawasan Muṣṭafā al-Baghdādī, Jilid 6, Ḥaidar Ābād - Al-Dakan: Dāirah Al-Ma‘ārif Al-Uthmāniyyah.
- Al-Bukhārī, Al-Imām Muḥammad Bin Ismā‘īl Bin Ibrāhīm Bin Al-Mughīrah Abī Ḥāfiẓ Abū Ḥāmid Muṣṭafā al-Baghdādī, 2000. *Al-Jāmi‘ Al-Musnad Al-Ṣaḥīḥ Al-Mukhtaṣar Min Umūr Rasūlillāh SAW Wa Sunanīh Wa Ayyāmih*, 2 Jilid, Germany: Thesaurus Islamicus Foundation.

Darliana Sormin, 2016. *Kedudukan Sahabat Dan ‘Adaalahnya, Al-Muaddib*: Jurnal Ilmu-Ilmu Sosial Dan Keislaman, Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah Tapanuli Selatan, Indonesia, Vol. 1, No. 1 (2016)

Al-Dhahabī, Al-Ḥāfiẓ Shams Al-Dīn Abū Ḩabdillāh Muḥammad Bin Aḥmad Bin Ḩuthmān Bin Qaimāz. t.t. *Tajrīd Asmā’ Al-Ṣahābah*, Bairūt: Dār Al-Maṭrifah Li Al-Ṭaba’ah Wa Al-Nashr.

Al-Dhahabī, Shams Al-Dīn Abū Ḩabdillāh Muḥammad Bin Aḥmad Bin Ḩuthmān Bin Qaimāz. 1382H/1963M. *Mīzān Al-Itidāl Fī Naqd Al-Rijāl*, Tahkik oleh Ḩalī Muḥammad Al-Bajāwī, Jilid 2, Beirut: Dār Al-Maṭrifah Li Al-Ṭaba’ah Wa Al-Nashr.

Al-Dhahabī, Shams Al-Dīn Abū Ḩabdillāh Muḥammad Bin Aḥmad Bin Ḩuthmān Bin Qaimāz. 1427H/2006M. *Siyar A’alām Al-Nubalā’*, Jilid 4, Kaherah: Dār Al-Ḥadīth.

Fallātah, Dr. Ḩumar Bin Ḥasan Ḩuthmān. 1401H/1981M. *Al-Wad’u Fī Al-Hadīth*, Risālah Muqaddimah Li Al-Ḥuṣūl Ḩalā Darajah Al-Ālamiyah (Al-Duktūrāh) Min Qism Al-Ḥadīth - Kuliyyah Uṣūl Al-Dīn – Jāmi’ah Al-Azhar, 3 Jilid, Dimashq: Maktabah Al-Ghazālī – Bairūt: Muassasah Manāhil Al-‘Irfān.

Al-Ghibrīnī, Abū Al-Abbās Aḥmad Bin Aḥmad Bin Ḩabdullāh Bin Muḥammad. 1979. *‘Unwān Al-Dirāyah Fī Man ‘Urifa Min Al-‘Ulamā’ Fī Al-Mi’ah Al-Sābi’ah Bi Bijāyah*, Tahkik dan komentar oleh Ḩāfiẓ Nuwaihiḍ, Cetakan Kedua, Bairūt: Manshurāt Dār Al-Āfāq Al-Jadīdah.

Al-Ḥasanī, Al-Ḥāfiẓ Aḥmad Bin Muḥammad Al-Ṣiddīq Al-Ghumārī. 1440H/2018M. *Musnad Al-Jin, Al-Maghrib: Al-Dār al-Baidā’*.

Hj. Sulaiman, Ishak. 1997. *Isnad al-Hadith Sebagai Etika Maklumat Islam: Satu Pengenalan*, Jurnal Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Vol. 6, 51-64.

Ibn Al-Abār, Muḥammad Bin Ḩabdullāh Bin Abī Bakr Al-Quḍāṭ Al-Balansī. 1415H/1995M. *Al-Takmilah Li Kitāb Al-Ṣilah*, Tahkik oleh Ḩabd Al-Salām Al-Harrās, 4 Jilid, Lubnān: Dār Al-Fikr Li Al-Ṭaba’ah.

Ibn Al-‘Ajamī, Burhān Al-Dīn Al-Ḥalabī Abū Al-Wafā Ibrāhīm Bin Muḥammad Bin Khalīl Al-Ṭarābulṣī Al-Shāfi’ī Sibṭ. 1407H/1987M. *Al-Kashf al-Ḥathīth ‘Amman Rumiya Bi Wad’i Al-Hadīth*, Tahkik oleh Ṣubḥī Al-Sāmirā’ī, Beirut: Ḩāfiẓ Al-Kutub & Maktabah Al-Nahḍah Al-Ārabiyyah.

Ibn Al-Ṣiddīq, Ibrāhīm. Ramaḍān 1420H/Disember 1999M. *Al-Mu’ammar Al-Maghribī Abū Al-Dunyā Al-Ashbah Wa ḥaqīqah Iddi’ā’ Ba’da Al-Ruwāh Li Al-Ta’mīr Al-Kathīr*, Majallah Syahriyyah Ta’ānī Bi Al-Dirāsat Al-Islāmiyyah Wa Bi Shu’ūn Al-Thaqāfah Wa Al-Fikr, Bil. 348, Tahun Ke 40, Wizārah Al-Awqāf Wa Al-Shu’ūn Al-Islāmiyyah Bi Al-Mamlakah Al-Maghribiyyah.

Al-Jurjānī, Aḥmad Bin Ḩadīy, 1418H/1997M. *Al-Kāmil Fī Du’afā’ Al-Rijāl*, Tahkik oleh Muḥammad Ḩāfiẓ Aḥmad Ḩabd Al-Mawjūd, Ḩalī Muḥammad Mu’awwad, Ḩabd Al-Fattāḥ Abū Sunnah, Jilid 6, Bairūt: Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

Al-Makkīy, Taqiy Al-Dīn Muḥammad Bin Aḥmad Al-Ḥasanī Al-Fāsī, 1998. *Al-‘Aqd Al-Thamīn Fī Tārīkh Al-Balad Al-Amīn*, Tahkik oleh Muḥammad Ḩabd Al-Qādir Ḩatā, Jilid 5, Bairūt: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.

- Al-Naisābūriy, Al-Imām Muslim Bin Al-Hajjāj Bin Muslim Bin Ward Abī Al-Ḥusain Al-Qusyairīy. 1421H/2000M. *Şahīh Muslim Wa Huwa Al-Musnad Al-Şahīh Al-Mukhtaṣar Min Al-Sunan Bi Naql Al-‘Adl ‘An Al-‘Adl ‘An Rasūllillāh SAW*, Germany: Thesaurus Islamicus Foundation.
- Al-Qurṭubī, Abū ‘Umar Yūsuf Bin ‘Abdillāh Bin Muḥammad Bin ‘Abd Al-Barr Bin ‘Āṣim Al-Namrī. 1412H/1992M. *Al-Iṣṭī‘āb Fī Ma‘rifah Al-Ashāb*, Tahkik oleh ‘Alī Muḥammad Al-Bijāwī, 4 Juzu’, Bayrūt: Dār Al-Jil.
- Shākir, Aḥmad Muḥammad. 1425H/2004M. *Al-Bā‘ith Al-Hathīth Sharḥ Ikhtiyār ‘Ulūm Al-Hadīth Li Al-Ḥāfiẓ Ibn Kathīr*. Ed. ke-4. Bayrūt: Dār Al-Kutub Al-‘Ilmiyyah.
- Al-Suyūtī, ‘Abd Al-Rahmān Bin Abī Bakr Jalāl Al-Dīn. 1405H/1985M. *Rīḥ Al-Nisrīn Fī Man ‘Asha Min Al-Şahābah Mi‘ah Wa ‘Ishrīn*, Tahkik oleh ‘Adnān Aḥmad Mujawwad, Jeddah: Dār Al-Wafā’.
- Al-Suyūtī, ‘Abd Al-Rahmān Bin Abī Bakr Jalāl Al-Dīn. 1285H/1966M. *Tadrīb Al-Rāwī Fī Sharḥ Taqrīb Al-Nawāwī*, Tahkik oleh ‘Abd Al-Wahhāb ‘Abd Al-Laṭīf, 2 Juzu’, Cetakan Kedua, Mesir: Al-Maktabah Al-Azhariyyah Li Al-Turāth.
- Al-Tilmisānī, Shihāb Al-Dīn Aḥmad Bin Muḥammad Al-Maqqarī. 1997. *Nafh Al-Tayyib Min Ghuṣn Al-Raғib Wa Dhikr Wazīrihā Lisān Al-Dīn Ibn AL-Khaғib*, Tahkik oleh İhsān ‘Abbās, Juzuk 3, Bairūt: Dār Ṣādir.
- Umar, Atho’illah. 2020. Ilmu Hadis (Dasar). Indonesia: LPPM Universitas KH. A. Wahab Hasbullah.
- Al-‘Uthaimīn, Muḥammad Bin Ṣalīḥ Bin Muḥammad. 1415H/1994. *Muṣṭalaḥ Al-Hadīth*, Al-Qāhirah: Maktabah Al-‘Ilm.